



APLIKASI FUZZY DELPHI: KAEDAH MEMBIMBING KESALAHAN BACAAN AL-QURAN WARGA EMAS BERSANDARKAN HADIS RASULULLAH

(Application of the Fuzzy Delphi Method: A Hadis-Based Approach to Guiding Qur'anic Recitation Errors Among the Elderly)

Shah Rizul Izyan Zulkipli, Noornajihan Jaafar, Nurul Asiah Fasehah Muhammad, Shamsul Hakim Abd Samad

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Abstract

Malaysia is projected to become an ageing nation by 2030. The rising number of elderly citizens not only contributes to the increase in care centres but also leads to the establishment of religious learning centres specifically for senior citizens. However, these religious classes often receive low participation, primarily due to teaching approaches and methods that do not align with the physical and cognitive capabilities of the elderly. Naturally, ageing comes with physical, cognitive, and psychological decline, making learning processes more challenging. This study aims to develop a set of instructional items for guiding elderly individuals in their Qur'anic recitation, ensuring that Qur'anic teaching is adapted to their abilities. To achieve this, the Fuzzy Delphi Method was employed to attain expert consensus on suitable teaching items. A questionnaire was developed and distributed to 15 experts, including elderly individuals, gerontology specialists, and Qur'an teachers experienced in elderly education. The findings indicate expert agreement on five key instructional items for guiding elderly Qur'anic recitation: (i) Teachers should avoid giving negative feedback, (ii) Teachers must be sensitive to the emotional state of elderly learners when correcting recitation, (iii) Teachers may use facial expressions and lip movements as visual aids for learners with hearing difficulties, (iv) Teachers should wait until the elderly learner completes their recitation before addressing mistakes, depending on the severity of the error, and (v) Teachers should correct errors in a gentle, persuasive manner. These five items were ranked by priority and serve as important pedagogical guidance for Qur'an teachers to adopt more empathetic and effective strategies in elderly education.

Keywords: *Qur'anic Recitation Guidance, Elderly, Hadis.*

Article Progress

Received: 29 February 2025

Revised: 4 March 2025

Accepted: 30 April 2025

*Corresponding Author:

Shah Rizul Izyan Zulkipli
Fakulti Pengajian Quran
dan Sunnah, USIM.

Email:

izyanzulkipli@usim.edu.my

PENDAHULUAN

Pembelajaran al-Quran merupakan suatu pembelajaran sepanjang zaman. Proses pembelajaran al-Quran tidak seharusnya terhenti kepada kanak-kanak dan remaja malah perlulah berterusan sehingga usia tua. Namun begitu, semakin menjengah usia tua pembelajaran menjadi semakin sukar kerana kemerosotan pesat berlaku. Sepertimana firman Allah SWT dalam Surah an-Nahl ayat 70;

﴿وَاللَّهُ خَلَقَكُمْ ثُمَّ يَتَوَفَّاكُمْ ۚ وَمِنْكُمْ مَنْ يُرَدُّ إِلَىٰ أَوَّلِ الْعُمْرِ لِكَيْ لَا يَعْلَمَ بَعْدَ عِلْمٍ شَيْئًا ۚ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ قَدِيرٌ﴾

“Dan Allah yang menciptakan kamu (dari tiada kepada ada); kemudian Ia menyempurnakan tempoh umur kamu; (maka ada di antara kamu yang disegerakan matinya), dan ada pula di antara kamu yang dikembalikannya kepada peringkat umur yang lemah (peringkat tua kebuda-budakan), sehingga menjadilah ia tidak ingat akan sesuatu yang telah diketahuinya; sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Kuasa.” [Al-Quran. An-Nahl 16:70]

Meskipun warga emas mengalami kemerosotan dari pelbagai fizikal, namun situasi ini sudah pasti tidak menghalang warga untuk mempelajari al-Quran. Bahkan usia emas tersebut seharusnya digunakan dengan penuh manfaat sebagai bekalan di akhirat sana.

Antara punca masalah pembelajaran warga emas adalah terdapat kesalahan dari sudut kaedah pengajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar yang tidak bersesuaian dengan tahap kemampuan warga emas.¹ Terdapat tiga faktor utama yang menjadi cabaran warga emas untuk mempelajari al-Quran yang pertama adalah fizikal, kedua adalah kognitif dan terakhir adalah psikologi.

Masalah pertama dari sudut fizikal yang menjadi cabaran untuk warga emas mempelajari al-Quran adalah masalah komunikasi.² Ini disebabkan kemerosotan dari sudut pendengaran, pertuturan dan pancaindera yang menyebabkan warga emas perlu diberitahu berulang kali. Hal ini menjadi lebih rumit apabila warga emas perlu menggunakan segala pancaindera tersebut untuk mempelajari al-Quran secara *musyāfahah* iaitu perlu berhadapan dengan guru.³ Di samping itu, pembelajaran turut menjadi lebih rumit apabila warga emas perlu berusaha memperbaiki *makhraj* huruf al-Quran. Ini kerana, kebanyakan sebutan yang tidak tepat berpunca dari pelbagai faktor antaranya masalah fisioterapi seperti penyakit strok, ketiadaan gigi, lidah yang pendek dan keras serta telor.⁴⁵

Masalah kedua adalah dari sudut kognitif, sebanyak 20% warga emas berhadapan dengan kemerosotan mental. Manakala kerosakan saraf pula sebanyak 6.6% apabila menginjak usia 60 tahun (WHO, 2016). Akibat daripada kemerosotan kognitif ini, warga emas secara fitrahnya akan berhadapan dengan masalah penumpuan yang pendek, mudah lupa, serta sukar mengingati sesuatu ilmu.⁶ Warga emas tidak mampu menerima input yang diajar sekiranya pembelajaran itu dijalankan dalam tempoh masa yang terlalu lama.⁷ Perkara ini menjadi rumit apabila warga emas perlu mengingat hukum tajwid ketika mempelajari al-Quran.⁸ Selain itu, silibus pembelajaran yang tinggi serta proses pengajaran dan pembelajaran yang kurang bersesuaian dengan tahap kemampuan intelek warga emas boleh menyebabkan warga emas hilang minat untuk belajar dan sekali gus menyumbang kepada penurunan kadar penglibatan. Di samping itu, tugas tambahan yang diwajibkan bagi mengekalkan daya ingatan mampu menyumbang kepada stres dalam kalangan warga emas.⁹

Masalah terakhir adalah daripada sudut masalah psikologi. warga emas berasa malu untuk mengakui kekurangan ilmu, serta wujud perasaan ego untuk belajar dari guru yang lebih muda kerana berasa mereka lebih berpengetahuan. Perkara ini dikuatkan dengan kenyataan Cross¹⁰ yang mengatakan bahawa ketidakelesaan warga emas apabila berada dalam satu kumpulan dengan orang yang lebih

¹ Sharifah Norshah Bani Syed Bidin, Abu Mansor, N. S., & Manaf, Z. A. (2011). Pelaksanaan manhaj Rasulullah dalam pengajaran dan pembelajaran kelas al-Quran bagi golongan dewasa. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 5(Special Edition), 53–70.

² Khadijah Alavi, & Maizatul Haizan Mahbob. (2017). *Komunikasi Berkesan Dengan Warga Emas: Dari Perspektif Intervensi Kerja Sosial*. Jurnal Komunikasi Malaysia, 21–37.

³ Mohd Shamsul Hakim Abd Samad, Norhasnira Ibrahim, Zainora Daud, Nurul 'Asyiqin Aminul Rasyid (2017) *Pembelajaran Al-Quran Teras Pengajian Sepanjang Hayat Bagi Warga Emas: Kajian Ke Atas Penghuni Rumah Jagaan Orang-Orang Tua*. Nilai: USIM

⁴ Shah Rizul Izzyan Zulkiply, Noornajihan, Nurul 'Asyikin, Mohd Zahir Abd Rahman (2018) *Need Analysis Study on the Development of Islamic Education Model*. International Journal for Studies on Children, Women, Elderly And Disabled, Internatio, 41–45.

⁵ Télor bermaksud tidak dapat mengucapkan kata-kata dgn sebutan yg betul, pelat: dr ~ per-cakap-annya dapat diketahui dr mana dia datang; lidahnya ~ tidak boleh berkata dengan terang (jelas); keteloran perihai telor (salah ucapan).

⁶ Boulton-Lewis, G. M. (2010). "Education And Learning For The Elderly: Why, How, What". *Educational Gerontology*, 36(3), 213–228. <https://doi.org/10.1080/03601270903182877>

⁷ Mariam Abd Majid, Shalawati Abu Bakar, Safinah Ismail, Ahmad Zabidi Abdur Razak, Noor Atika Shafinaz Nazri. (2017). *MonoGraf Model Pendidikan Warga Emas Di Pondok-Pondok Di Malaysia*, Bangi: Kuis

⁸ Ibid.

⁹ Belferik Manullang (2013). *Grand Desain Pendidikan Karakter Generasi Emas 2045*, Jurnal Pendidikan Karakter,

¹⁰ Cross, P. (1981). *Adults As Learners*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.

muda. Hal Ini berikutan kerana warga emas yang menghadiri kelas al-Quran mempunyai pelbagai latar belakang kehidupan serta tahap ekonomi yang berbeza. Oleh sebab itu, warga emas lebih selesa jika pembelajaran itu dijalankan secara persendirian atau berhadapan dengan guru.¹¹

Secara realitinya, warga emas menghadapi cabaran psikologi seperti sensitif yang sangat tinggi, perasaan mudah terusik, sedih, ego, tersisih dan sebagainya.¹² Pendekatan yang salah mampu menyebabkan warga emas berasa putus asa dan hilang minat untuk mempelajari al-Quran.¹³ Ini kerana, warga emas mudah mengalami gangguan emosi, merasa rendah diri, terhina dan akhirnya tidak dapat menerima kaedah pengajian itu dengan baik.¹⁴ Oleh itu kajian ini bertujuan untuk membangunkan kaedah membimbing kesalahan warga emas membaca al-Quran. Kajian ini menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* bagi mendapat kesepakatan pakar berkenaan item yang akan dibina.

METODOLOGI KAJIAN :

Kajian ini menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* yang berasaskan kepada pandangan pakar. Kaedah *Fuzzy Delphi* atau *Fuzzy Delphi Method (FDM)* adalah satu kaedah dan instrumen pengukuran yang dilakukan penjenamaan semula berdasarkan daripada Teknik *Delphi*. Kaedah ini mula diperkenalkan oleh Murray, Pipino dan Gigch pada tahun 1985. Seramai 15 orang pakar dari bidang berkaitan terlibat dalam pembangunan item tersebut.

Instrumen Kajian:

Dalam kajian ini, instrumen yang digunakan adalah instrumen soal selidik penilaian pakar. Soal selidik tersebut sudah melalui fasa pembinaan instrumennya iaitu melalui kajian lepas, temubual, FGD (*Focus Group Discussion*) dan juga sudah disahkan kandungannya oleh empat orang pakar. Soal selidik mengandungi 40 soalan yang dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama adalah maklumat peribadi pakar dan bahagian kedua adalah pandangan pakar terhadap item yang dibina. Bahagian kedua juga akan melihat pandangan dan cadangan pakar terhadap item-item yang dibentuk dalam setiap konstruk seterusnya kesesuaiannya dalam pembentukan item.

Sampel kajian:

Kaedah pemilihan sampel secara bermatlamat digunakan (*purposive sampling*). Mengikut Hasson, Keeney dan McKenna¹⁵ kaedah pemilihan sampel yang sesuai dalam teknik FDM adalah bukan kebarangkalian (*non probability sampling*) sama ada menggunakan bertujuan (*purposive*) atau kriteria (*criterion sampling*). Kaedah ini dipilih memandangkan sampel tidak dipilih secara rawak dan ianya tidak mewakili (*representativeness*), dan ianya dipilih berdasarkan kepada tujuan untuk melihat pengetahuan dan pengalaman mereka secara mendalam terhadap bidang yang dikaji. Selain itu, pemilihan pakar juga dalam merujuk kepada mereka yang mempunyai kepakaran tersebut lebih dari lima tahun.¹⁶ Seramai 15 orang pakar dipilih bagi menjadi pakar. Berikut merupakan responden pakar yang terlibat dalam soal selidik kajian ini.

¹¹ Maznah Muhamad. (2010). *Adult And Continuing Education In Malaysia*. University Putra Malaysia.

¹² Nayan, S. (2006) *Keprihatinan Yang Luntur Terhadap Warga Emas*. Jurnal Intelek.

¹³ Shah Rizul Izyan Zulkipli, Noornajihan, Nurul 'Asyikin, Mohd Zahir Abd Rahman (2018) *Need Analysis Study on the Development of Islamic Education Model*. International Journal for Studies on Children, Women, Elderly And Disabled, Internatio, 41–45.

¹⁴ Mariam Abd Majid, Shalawati Abu Bakar, Safinah Ismail, Ahmad Zabidi Abduk Razak, Noor Atika Shafinaz Nazri (2017) *MonoGraf Model Pendidikan Warga Emas Di Pondok-Pondok Di Malaysia*, Bangi : Kuis

¹⁵ Hasson, F., Keeney, S.K. & McKenna, H. (2000). *Research Guidelines for the Delphi survey technique*. Journal of advanced Nursing 1008-1015

¹⁶ Cresswell, J.W. 2003. *Research Design: Qualitative and Quantitative Approach* (2nd edi.) Thousand Oak: Sage Publications

Respondan/ Pakar :

Jadual 1: Senarai pakar yang terlibat dari bidang tertentu.

NO	PAKAR	BIDANG
1	Pensyarah UM	Pengajian al-Quran dan tenaga pengajar warga emas
2	Pensyarah UNISZA	Pengajian al-Quran dan pengasas kepada model kelas al-Quran dewasa UNISZA
3	Pensyarah UKM	Pendidikan Islam, pengasas rumah warga emas
4	Pensyarah UITM	Pendidikan Islam dan mengajar warga emas
5	Pensyarah UKM	Pakar bidang dakwah dan Gerontologi
6	Pensyarah AMU	Pakar bidang Gerontologi
7	Pensyarah IPG	Pakar bidang Pendidikan Islam dan tenaga mengajar al-Quran warga emas al-Baghdadi Center
8	Pengetua Yayasan al-Quran Kuala Lumpur	Pengetua dan pengajar al-Quran dewasa dan warga emas
9	Pengasas kelas al-Quran Qurthuby	Tenaga pengajar al-Quran warga emas
10	Guru al-Quran dan bilal masjid Kadok Puri, Kelantan	Tenaga pengajar al-Quran warga emas
11	Guru takmir bertauliah al-Quran dan fadhu ain wilayah	Tenaga pengajar al-Quran warga emas di Rumah Emas al Fikrah
12	Guru al-Quran warga emas	Tenaga pengajar al-Quran warga emas di masjid dan kelas
13	Pensyarah al-Quran KUIS	Guru bidang Qiraat dan pengajar al-Quran warga emas di masjid dan kelas al-Quran.
14	Pengurus rumah warga emas	Pengurus dan pelajar yang mempelajari al-Quran
15	Pelajar warga emas	Pelajar yang mempelajari al-Quran di kelas swasta

Analisis data


Prosedur menjalankan analisis menggunakan kaedah FDM adalah seperti berikut:

Langkah 1: Pemilihan pakar dalam kajian ini adalah seramai 15 orang. Pakar-pakar telah dilantik bagi membangunkan item tersebut. Pakar-pakar adalah seperti jadual di atas.

Langkah 2: Penentuan pemboleh ubah linguistic (*determining linguistic scale*).

Proses ini melibatkan proses penukaran semua pemboleh ubah linguistik ke dalam penomboran segi tiga fuzzy (*triangular fuzzy numbers*). Langkah ini juga melibatkan penukaran pemboleh ubah linguistik

dengan penambahan nombor fuzzy.¹⁷ Skala linguistik menyerupai skala *likert* yang digunakan dalam kajian lain namun ianya ditambah dengan penomboran *fuzzy* berasaskan penomboran segitiga *fuzzy*. Setiap respon yang diterima tiga nilai *fuzzy* yang mewakili pandangan pakar (*fuzziness expert opinion*). Tiga nilai seperti gambar rajah di bawah:



Rajah 1: Triangular Fuzzy Number.

M₁ = nilai minimum; M₂ = nilai sederhana; M₃ = nilai maksimum. Dalam erti kata lain, skala linguistik digunakan untuk menukarkan skala pemboleh ubah linguistik ke dalam nombor fuzzy. Skala persetujuan mestilah (3, 5 dan 7 skala linguistik). Semakin tinggi skala maka semakin tepat analisis respon yang diperolehi.¹⁸

Nombor Fuzzy

Skala Fuzzy 7 poin			
	m1	m2	m3
Amat setuju	0.09	1.00	1.00
Sangat setuju	0.70	0.90	1.00
Setuju	0.50	0.70	0.90
Tidak pasti	0.30	0.50	0.70
Tidak setuju	0.10	0.30	0.50
Sangat tidak setuju	0.00	0.10	0.30
Amat tidak setuju	0.00	0.00	0.10

Langkah 3: Setelah memperoleh respon daripada pakar yang dipilih, pengkaji perlu menukarkan semua skala *likert* kepada skala *Fuzzy*. Proses ini juga dikenali sebagai mengenal pasti *average responses* setiap nombor *fuzzy*. Proses ini berlaku berdasarkan formula di bawah:

$$M = \sum_{i=1}^n m_i$$

Langkah 4: Proses mengenal pasti nilai *Threshold* “d”. Nilai *threshold* amat penting dalam proses mengenal pasti tingkat kesepakatan di antara pakar. Jarak bagi setiap nombor *fuzzy* $m = (m_1, m_2, m_3)$ dan $n = (n_1, n_2, n_3)$ dikira dengan menggunakan rumus:

¹⁷ Richey, R., & Klein, J.D. (2007). *Design and development research: Methods, strategies, and Issues*: Routledge.

¹⁸ Ridhuan Mohd Jamil, Saedah Siraj, Zaharah Hussin, Nurulrabihah & Ahmad Arifin Sapar. (2014). *Pengenalan Asas Kaedah Fuzzy Delphi Dalam Penyelidikan Reka Bentuk Dan Pemabangunan*. Bangi: Minda Intelek.

$$d(\tilde{m}, \tilde{n}) = \sqrt{\frac{1}{3}[(m_1 - n_1)^2 + (m_2 - n_2)^2 + (m_3 - n_3)^2]}.$$

Nilai *threshold* amat penting dalam penentuan kesepakatan antara pakar. Menurut Cheng dan Lin (2002), jika nilai *threshold* kurang atau menyamai 0.2, maka ianya dikira kesepakatan pakar telah dicapai. Sementara keseluruhan kesepakatan (group consensus) haruslah melebihi 75% kesepakatan untuk setiap item, jika tidak pusingan kedua perlu dilaksanakan.

Langkah 5: Mengenal pasti tahap *alpha agregat* penilaian *fuzzy* setelah kesepakatan pakar diperoleh dengan menambah nombor *fuzzy* bagi setiap item Pengiraan dan penentuan nilai *fuzzy* adalah dengan menggunakan rumus: $A_{max} = 1/4 (m_1 + m_2 + m_3)$.

$$\tilde{A} = \begin{bmatrix} \tilde{A}_1 \\ \tilde{A}_2 \\ \vdots \\ \tilde{A}_m \end{bmatrix} \text{ where } \tilde{A} = r_{i1} \times w_1 + r_{i2} \times w_2 + \dots \dots \dots r_{in} \times w_n$$

$$i = 1, 2, \dots, m$$

Langkah 6: Langkah seterusnya adalah fasa *defuzzification* process. Proses ini menggunakan rumus $A_{max} = 1/4 (m_1 + m_2 + m_3)$. Sekiranya pengkaji menggunakan *Average Fuzzy Numbers* atau *average response*, nombor skor yang terhasil adalah nombor yang berada pada julat 0 hingga 1.

Langkah 7: Proses penentuan kedudukan (*ranking*) Proses penentuan kedudukan adalah dengan cara memilih elemen model berdasarkan nilai *defuzzification* berdasarkan kesepakatan pakar yang mana elemen yang mempunyai nilai tertinggi ditentukan kedudukan yang paling utama dalam model.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Setelah melalui proses analisis maka berikut merupakan hasil dapatan item bagi kaedah membimbing kesalahan bacaan al-Quran bagi warga emas.

Jadual 2: Keputusan Pemilihan Item Kaedah Membimbing Bacaan al-Quran Menggunakan Kaedah FDM

Bil	Item / Elemen	Syarat Triangular Fuzzy Numbers		Syarat Defuzzification Process				Kesepakatan Pakar	Elemen DITERIMA	Ranking
		Nilai Threshold, d	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skor Fuzzy (A)			
1	Guru perlu memuji sebelum menegur.	0.291	40.0%	0.587	0.747	0.867	0.733	TOLAK	0.733	6
2	Guru perlu menegur warga emas dengan cara memujuk	0.185	93.3%	0.633	0.807	0.933	0.791	TERIMA	0.791	5
3	Guru menunggu warga emas menghabiskan bacaan sebelum menegur kesalahan tersebut bergantung kepada tahap kesalahan yang di lakukan.	0.176	93.3%	0.660	0.833	0.947	0.813	TERIMA	0.813	4
4	Guru perlu prihatin terhadap emosi warga emas sekiranya hendak membuat teguran bacaan.	0.136	100.00%	0.727	0.887	0.973	0.862	TERIMA	0.862	2
5	Guru boleh menghampiri, menunjukkan mimik muka dan gerakan bibir bagi pelajar yang kurang pendengaran bagi tujuan bimbingan	0.232	93.33%	0.733	0.867	0.927	0.842	TERIMA	0.842	3
6	Guru perlu elak dari memberi respons yang negatif	0.166	86.67%	0.780	0.913	0.960	0.884	TERIMA	0.884	1

Jadual 2 di atas menunjukkan item kaedah membimbing kesalahan bacaan al-Quran warga emas. Terdapat enam item, hanya satu item tertolak kerana tidak mencapai kesepakatan pakar iaitu 40% kurang dari 75 %. Item yang tidak dipersetujui itu adalah item pertama. Manakala 5 item yang lain mendapat kesepakatan pakar dengan nilai peratusan lebih dari 75% iaitu bermula dari 86.6% sehingga 100%. Kesepakatan yang melebihi (75%) bermaksud memenuhi syarat kesepakatan pakar terhadap item tersebut. Selain itu, item tersebut juga diterima kerana mempunyai nilai threshold 0.2 Ini kerana nilai threshold d yang tidak melebihi 0.2 iaitu 2 sehingga 6. Item yang mempunyai nilai threshold d lebih dari 0.2 ditolak. jika nilai purata threshold (d) diperolehi kurang daripada 0.2, maka item tersebut telah mencapai kesepakatan pakar. Sekiranya diteliti terdapat item yang dibold kan bermakna item tersebut terdapat pendapat pakar yang tidak sekata dan tidak mencapai konsensus terhadap item item tertentu.

Selain itu, semua item menunjukkan kesepakatan apabila nilai defuzzication Alpha-Cut (*average of fuzzy response*) melebihi 0.5. Nilai alphacut hendaklah melebihi 0.5. Namun item 1 tidak mencapai syarat penerimaan apabila kesepakatan pakar tidak melebihi dari 75%. Item-item yang disepakati disusun mengikut keutamaan (*ranking*). Secara keseluruhannya terdapat lima item telah mendapat kesepakatan pakar dengan nilai persetujuan yang baik dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

KAEDAH MEMBIMBING BACAAN AL-QURAN WARGA EMAS BERSANDARKAN HADIS RASULULLAH:

Jadual menunjukkan 6 item berkenaan kaedah membimbing kesalahan membaca al-Quran warga emas. Satu item tertolak kerana tidak mendapat kesepakatan pakar. Item tersebut adalah Guru perlu memuji sebelum menegur. Berikut merupakan item yang telah disusun mengikut keutamaan berserta Hadis sandaran daripada Rasulullah SAW.

Kaedah Pertama: Guru Perlu Elak Daripada Memberi Respons Yang Negatif

Item yang mendapat kesepakatan dan keutamaan dalam kaedah membimbing bacaan warga emas adalah Guru perlu elak dari memberi respons yang negatif. Seperti yang dikhabarkan pada pengenalan diatas, warga emas mempunyai hati yang sangat rapuh dan sensitif. Oleh yang demikian, guru perlu menjaga tutur kata dan ekspresi wajah agar tidak menguris hati warga emas. Ini selari dengan hadis Rasulullah saw:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: ((مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكَلِّمْ خَيْرًا أَوْ لِيَصْمُتْ))

"Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a., Nabi SAW bersabda: "Barang siapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hendaklah ia berkata yang baik atau diam." (Hadis Riwayat al-Bukhari, No Hadis :6475)

Hadis ini menegaskan kepentingan menjaga lisan dan memastikan setiap perkataan yang diucapkan bermanfaat. Jika tidak dapat berkata sesuatu yang baik, lebih baik berdiam untuk menghindari ucapan yang boleh menyakiti atau mencela orang lain.

Kadang kala guru terbawa-bawa pendekatan yang dibawa oleh guru mereka sewaktu mereka belajar dahulu. Terdapat guru yang meremehkan kesalahan yang dilakukan oleh pelajar, terdapat juga guru yang kurang sabar dan mengeluh apabila warga emas melakukan kesilapan yang sama berulang-ulang. Sememangnya membimbing warga emas memerlukan kesabaran yang tinggi kerana sering melakukan kesalahan yang sama berulang-ulang, namun hadis berikut merupakan saranan dari Rasulullah untuk diteladani :

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: ((الْمَاهِرُ بِالْقُرْآنِ مَعَ السَّفَرَةِ الْكِرَامِ الْبَرَّةِ، وَالَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ وَيَتَتَعْتَعُ فِيهِ، وَهُوَ عَلَيْهِ شَاقٌّ لَهُ أَجْرَانِ))

Diriwayatkan daripada Aisyah r.a., Rasulullah SAW bersabda: "Orang yang mahir dalam membaca al-Quran akan bersama para malaikat yang mulia lagi taat, dan orang yang membaca al-Quran dengan terangkak-rangkak dan merasa kesulitan akan mendapat dua pahala." (Hadis Riwayat Bukhari, No Hadis: 4937, dan Muslim, No Hadis : 798)

Hadis ini menunjukkan bahawa mereka yang bersungguh-sungguh membaca al-Quran, walaupun dengan kesulitan, tetap diberi ganjaran yang besar oleh Allah.

Kaedah Kedua: Guru Perlu Prihatin Terhadap Emosi Warga Emas Sekiranya Hendak Membuat Teguran Bacaan.

Seterusnya Guru perlu prihatin terhadap emosi warga emas sekiranya hendak membuat teguran bacaan. Pakar bersepakat untuk melihat emosi warga emas dulu sebelum memberikan sebarang teguran. Ini bagi mengelakkan agar mereka merasa lebih tertekan dan hilang yakin diri. Cara teguran yang salah akan menyebabkan pelajar warga emas ini merajuk dan mengambil keputusan untuk tidak lagi mempelajari

al-Quran. Ini dapat di lihat daripada Rasulullah SAW yang memberi teladan yang baik dan sangat prihatin terhadap emosi para sahabat. Daripada ‘Abdullah Ibn Mas‘ud meriwayatkan:

كَانَ النَّبِيُّ ﷺ يَتَحَوَّلُنَا بِالْمَوْعِظَةِ فِي الْأَيَّامِ، كَرَاهَةَ السَّامَةِ عَلَيْنَا

“Bahawa Rasulullah ﷺ selalu memperhatikan kami untuk memberikan nasihat, kerana baginda takut kami akan merasa bosan.” (Hadis Riwayat al-Bukhari, No Hadis 68)

Perkara ini sangat merugikan kerana bukan mudah warga emas untuk mengakui bahawa mereka tidak mampu membaca al-Quran dengan baik, setelah mereka mengakui, dan mereka bersedia untuk belajar, namun kaedah teguran guru kepada warga emas tidak bersesuaian. Kadang kala hanya dengan mengeluh sahaja sudah membuatkan warga emas berkecil hati.

Kaedah Ketiga: Guru Boleh Menghampiri, Menunjukkan Mimik Muka dan Gerakan Bibir Bagi Pelajar Yang Kurang Pendengaran Bagi Tujuan Bimbingan

Item seterusnya adalah cara membimbing buat warga emas yang kurang pendengaran. Kaedah ini sebenarnya diaplikasi dalam pembelajaran bahasa isyarat. Ini kerana warga emas yang kurang mendengar tidak dapat maklumat yang tepat daripada guru kerana faktor kurang pendengaran. Oleh yang demikian, guru boleh menarik perhatian warga emas yang kurang pendengaran ini dengan datang dekat dan menunjukkan sebutan makhraj atau cara gerakkan bibir atau lidah yang betul. Guru al-Quran perlu menyusun cara penyampaian dengan mengikut cara Rasulullah ﷺ. Kefasihan Rasulullah ﷺ tidak hanya terhad kepada gaya bahasa yang baik dalam ucapan, malah ia terpancar daripada kaedah pengajarannya. Apabila bertutur Baginda ﷺ akan menyebutnya dengan jelas dan tidak hanya menggerakkan kedua-dua bibir, bermakna makhrajnya betul-betul jelas, Baginda ﷺ akan mengulang-ulangnya tiga kali dan menyebut satu persatu hingga dapat didengar dan dihafaz oleh semua sahabat. Anas r.a. menceritakan:

وَعَنْ أَنَسٍ قَالَ: كَانَ النَّبِيُّ ﷺ إِذَا تَكَلَّمَ بِكَلِمَةٍ أَعَادَهَا ثَلَاثًا حَتَّى تُفْهَمَ عَنْهُ وَإِذَا أَتَى عَلَى قَوْمٍ فَسَلَّمَ عَلَيْهِمْ سَلَّمَ عَلَيْهِمْ ثَلَاثًا.

“Anas berkata: bahawa apabila Nabi membuat satu kenyataan baginda mengulanginya tiga kali supaya ia dapat difahami, dan apabila baginda datang kepada kaumnya, maka baginda memberi salam kepada mereka baginda melakukannya tiga kali.” (Hadis Riwayat al-Bukhari, No Hadis :94)

Kaedah Keempat: Guru Menunggu Warga Emas Menghabiskan Bacaan Sebelum Menegur Kesalahan Tersebut Bergantung Kepada Tahap Kesalahan Yang Dilakukan.

Kaedah ini adalah bertujuan memberi peluang kepada warga emas untuk menghabiskan bacaan tanpa guru mencelah semasa bacaan al-Quran sedang berjalan. Ini bagi mengelakkan warga emas berasa gementar sehingga menyebabkan bacaan seterusnya menjadi tidak lancar kerana kerap ditegur oleh guru. Ini selari dengan hadis Rasulullah yang mendengar setiap ucapan dan tidak memotong ucapan para sahabat.

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ النَّبِيُّ ﷺ يُحَدِّثُنَا فَتَسْتَمِعُ إِلَيْهِ، فَإِذَا فَرَغَ سَكَتْنَا، فَإِذَا تَكَلَّمَ أَحَدُنَا أَوْ سَأَلَهُ، أَجَابَهُ وَسَمِعَ مِنْهُ

“Diriwayatkan daripada Abdullah bin Mas‘ud r.a., beliau berkata: “Rasulullah SAW berbicara kepada kami, lalu kami mendengarkannya. Apabila baginda selesai, kami akan diam. Jika ada di antara kami yang berbicara atau bertanya kepada baginda, baginda akan menjawab dan mendengarkan dengan penuh perhatian.” (Hadis Riwayat imam Ahmad: No hadis: 3663)

Namun sekiranya kesalahan yang dilakukan oleh warga emas itu besar dan perlu kepada teguran segera, guru boleh berbuat demikian dengan cara yang baik. Guru boleh menegur warga emas setelah mereka selesai membaca satu ayat. Dengan menegur kesalahan yang telah dilakukan dan menunjuk cara bacaan yang betul. Ini supaya warga emas dapat membezakan kesalahan yang telah dilakukan dan bacaan betul yang harus mereka perbetulkan.

Kaedah Kelima: Guru Perlu Menegur Warga Emas Dengan Cara Memujuk

Kaedah ini adalah satu kaedah yang boleh diaplikasikan oleh guru iaitu dengan cara memujuk. Item yang tertolak tersebut adalah dengan cara memuji. Kebarangkalian, warga emas lebih gemar dipujuk berbanding dipuji. Kaedah memuji lebih bersesuaian untuk kanak-kanak. Terdapat banyak contoh hadis Rasulullah yang sentiasa memberi semangat kepada para sahabat dalam mendekati dan mencintai al-Quran. Antara nya melalui Hadis yang di riwayatkan oleh Saidatina Aisyah RA meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:

((الْمَاهِرُ بِالْقُرْآنِ مَعَ السَّفَرَةِ الْكِرَامِ الْبَرَّةِ، وَالَّذِي يَفْقَرُ الْقُرْآنَ وَيَتَتَعْتَعُ فِيهِ، وَهُوَ عَلَيْهِ شَاقٌّ، لَهُ أَجْرَانِ))

“Orang yang mahir membaca al-Quran, maka di akhirat dia akan ditemani oleh para malaikat para pencatat yang mulia. Manakala orang yang membaca al-Quran dengan gagap dan menghadapi kepayahan ketika membacanya, maka dia mendapat dua pahala.” (Hadis Riwayat Muslim, No hadis 804)

Hadis ini menunjukkan bahawa, meskipun para sahabat mahupun warga emas membaca al-Quran secara terangak-rangkak namun masih ada ganjaran akibat dari tidak berputus asa menghadapi kepayahan tersebut. Baginda membangkitkan semangat mereka dan memotivasi mereka untuk berbuat baik, menunjukkan betapa pentingnya sikap saling menyokong dan memotivasi di dalam masyarakat. Rasulullah SAW menggunakan pendekatan yang positif untuk membina hubungan dan semangat di kalangan sahabat, dengan memberi pujian dan dorongan kepada mereka dalam menjalankan amalan yang baik.

KESIMPULAN

Pengajian kelas al-Quran semakin mendapat permintaan di kalangan dewasa mahupun warga emas. Namun kaedah pengajaran dan pembelajaran warga emas tidak sama dengan kanak-kanak. Oleh itu, membimbing warga emas dalam membaca al-Quran perlulah dilaksanakan dengan penuh hikmah. Guru yang membimbing warga emas membaca al-Quran boleh menjadikan lima item kaedah tersebut sebagai panduan. Item tersebut dibina menggunakan kaedah *fuzzy delphi* yang melibatkan 15 orang pakar dari bidang tertentu. Setiap item yang dihasilkan mempunyai sandaran hadis Rasulullah. Di harap kaedah bimbingan ini memberi sumbangan kepada bidang al-Quran terutama guru-guru al-Quran dalam mencari jalan untuk menyantuni warga emas dalam mencintai al-Quran.

RUJUKAN

- [1] Al-Qur'an
- [2] Abd al-Aziz al-Shaykh. (2008). *Mawsū'at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah* (Ṣaḥīḥ Bin, Ed.). Riyadh: Dār al-Salām.
- [3] Belferik Manullang. (2013). Grand desain pendidikan karakter generasi emas 2045. *Jurnal Pendidikan Karakter*, 3(1).
- [4] Boulton-Lewis, G. M. (2010). Education and learning for the elderly: Why, how, what. *Educational Gerontology*, 36(3), 213–228. <https://doi.org/10.1080/03601270903182877>
- [5] Creswell, J. W. (2003). *Research design: Qualitative and quantitative approach* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- [6] Cross, P. (1981). *Adults as learners*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- [7] Darkenwald, G. G., & Merriam, S. B. (1982). *Adult education: Foundations of practice*. New York, NY: Harper Row.
- [8] Hasson, F., Keeney, S. K., & McKenna, H. (2000). Research guidelines for the Delphi survey technique. *Journal of Advanced Nursing*, 32(4), 1008–1015.
- [9] Khadijah Alavi, & Maizatul Haizan Mahbob. (2017). Komunikasi berkesan dengan warga emas: Dari perspektif intervensi kerja sosial. *Jurnal Komunikasi Malaysia*, 33(4), 21–37. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2017-3304-02>
- [10] Mariam Abd Majid, Abu Bakar, S., Ismail, S., Abdur Razak, A. Z., & Nazri, N. A. S. (2017). *Monograf model pendidikan warga emas di pondok-pondok di Malaysia*. Bangi: KUIS.
- [11] Maznah Muhamad. (2010). *Adult and continuing education in Malaysia*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- [12] Mohd Shamsul Hakim Abd Samad, Ibrahim, N., Daud, Z., & Aminul Rasyid, N. 'A. (2017). Pembelajaran al-Quran teras pengajian sepanjang hayat bagi warga emas: Kajian ke atas penghuni rumah jagaan orang-orang tua. Nilai: USIM.
- [13] Nayan, S. (2006). Keprihatinan yang luntur terhadap warga emas. *Jurnal Intelek*.
- [14] Richey, R., & Klein, J. D. (2007). *Design and development research: Methods, strategies, and issues*. New York, NY: Routledge.
- [15] Ridhuan Mohd Jamil, Siraj, S., Hussin, Z., Nurulrabihah, & Sapar, A. A. (2014). *Pengenalan asas kaedah fuzzy Delphi dalam penyelidikan reka bentuk dan pembangunan*. Bangi: Minda Intelek.
- [16] Sharifah Norshah Bani Syed Bidin, Abu Mansor, N. S., & Manaf, Z. A. (2011). Pelaksanaan manhaj Rasulullah dalam pengajaran dan pembelajaran kelas al-Quran bagi golongan dewasa. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 5(Special Edition), 53–70.
- [17] Shah Rizul Izzyan Zulkipli, Noornajihan, Nurul 'Asyikin, & Abd Rahman, M. Z. (2018). Need analysis study on the development of Islamic education model. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 41–45.

- [18] World Health Organization. (2016). *Ageing and health*. Geneva: WHO.

RUJUKAN

Abdullah Hassan. 2009. Bahasa Melayu di Persimpangan: Antara Jati Diri dengan Rempuhan Globalisasi. *Jurnal Kemanusiaan*. 16: 59-81.

Abu Luqman Al-Hakim. Hadis untuk Kanak-Kanak. Penulis dan penerbit Darul Nu'man.
Hadis Pilihan Omar & Hana. Oleh sidang penulis. Terbitan Prima Kids.